

# SIJIL PELAJARAN MALAYSIA 2019

## 1223/1 PENDIDIKAN ISLAM KERTAS 1

Masa : 2 Jam

### PEPERIKSAAN PERCUBAAN SPM 2019 PENDIDIKAN ISLAM (MODUL 2)

**JANGAN BUKA KERTAS SOALAN INI SEHINGGA DIBERITAHU**

1. *Kertas soalan ini mengandungi dua bahagian: **Bahagian A dan Bahagian B.***
2. ***Bahagian A** mengandungi **40** soalan. Jawapan anda hendaklah menggunakan ruangan jawapan yang disediakan.*
3. ***Bahagian B** mengandungi **empat** soalan subjektif. Jawab **tiga** soalan: **Soalan 1, Soalan 2** dan mana-mana **satu** soalan daripada **Soalan 3** atau **Soalan 4**. Jawapan anda hendaklah ditulis di dalam helaian tambahan yang disediakan.*
4. *Tulis **nombor kad pengenalan** dan **angka giliran** anda pada ruangan yang disediakan.*
5. *Ikat kertas jawapan bersama-sama helaian tambahan dan serahkan kepada pengawas peperiksaan pada akhir peperiksaan.*

Kertas soalan ini mengandungi 10 halaman bercetak.

*[Lihat halaman sebelah*

**Bahagian A**  
[40 markah]  
Jawab semua soalan.

**Soalan 1 hingga Soalan 20**

Tiap-tiap soalan diikuti oleh empat pilihan jawapan **A, B, C dan D**. **Hitamkan** jawapan yang tepat pada kertas jawapan yang disediakan.

Kepercayaan dan perbuatan karut yang bertentangan dengan konsep tauhid dan syariat Islam.

1 Perbuatan di atas merujuk kepada \_\_\_\_\_.

- A sihir
- B nifak
- C syirik
- D khurafat

Mereka tidak menghukum kecuali terdapat bukti yang sahih.

2 Pernyataan di atas merupakan prinsip akidah \_\_\_\_\_.

- A Ahli Sunnah Waljamaah
- B Syiah Imamiyyah
- C Syiah Zaidiyyah
- D Syiah Batiniah

3 Antara berikut, yang manakah syarat-syarat taubat?

- I Berhenti melakukan maksiat dengan segera.
- II Berusaha memperbanyakkan amal ibadah.
- III Menyesal terhadap maksiat yang telah dilakukan.
- IV Berazam tidak mengulangi maksiat yang dilakukan.

- A I, II dan III
- B I, II dan IV
- C I, III dan IV
- D II, III dan IV

4 Berikut adalah akibat perbuatan zina **kecuali**

- A Mendapat kemurkaan dan bala Allah SWT
- B Masyarakat bergembira sesama sendiri
- C Berlaku pelbagai jenis kegiatan jenayah
- D Menjatuhkan maruah diri dan keluarga

**SULIT**

- 5 Pilih pernyataan yang benar mengenai daging sembelihan akikah.
- A Sunat dihidang untuk jamuan
  - B Makruh dimasak secara manis
  - C Haram diberikan kepada orang kafir
  - D Wajib disedekahkan kepada fakir miskin

Hubungan jenis antara perempuan dengan perempuan.

- 6 Pernyataan di atas merujuk kepada pengertian \_\_\_\_\_.
- A lian
  - B liwat
  - C musaharah
  - D musahaqah

Orang yang tidak berkemampuan menunaikan nafkah zahir dan batin atau diyakini akan melakukan kezaliman terhadap pasangan.

- 7 Hukum perkahwinan di atas ialah \_\_\_\_\_.
- A makruh
  - B haram
  - C wajib
  - D sunat

Seseorang wanita haram dikahwini disebabkan hubungan penyusuan.

- 8 Merujuk perkara di atas, antara syarat pengharaman hubungan tersebut ialah
- A mempunyai hubungan kekeluargaan.
  - B umur kanak-kanak melebihi dua tahun.
  - C telah menyusu lima kali kenyang atau lebih.
  - D wanita yang menyusukan pernah berkahwin.

- 9 Antara yang berikut merupakan hikmah poligami **kecuali**

- A Menambah bilangan isteri
- B Menyambung zuriat keturunan
- C Membela anak yatim dan wanita
- D Mengelakkan diri daripada maksiat

- 10 Berikut adalah larangan semasa idah bagi wanita kematian suami **kecuali**

- A Berhias diri
- B Berkahwin
- C Bekerja
- D Bertunang

## SULIT

- 11 Antara hasil karya falsafah Prof Dr HAMKA ialah \_\_\_\_\_.
- A Laila Majnun
  - B Lembaga hidup
  - C Revolusi Agama
  - D Di Bawah Lembayung Kaabah
- 12 Berikut adalah tokoh yang mengetengahkan idea islah *al-Jamiah al-Islamiah*
- A Ibnu Khaldun
  - B Syeikh Tahir Jalaluddin
  - C Syeikh Muhammad Abduh
  - D Syed Jamaluddin al-Afghani
- 13 Berikut bukan adab menjaga orang sakit daripada aspek rohani \_\_\_\_\_.
- A membantu pesakit menunaikan kewajipan seperti solat
  - B mengingatkan supaya sentiasa mengingati Allah
  - C memahami keperitannya menanggung kesakitan
  - D memberi peringatan bahawa sakit ujian Allah
- 14 Semua berikut adalah hikmah menziarahi jenazah **kecuali**
- A dapat menunaikan hak sebagai seorang muslim atas muslim yang lain.
  - B memberi keinsafan bahawa kematian adalah qadak Allah SWT.
  - C dapat mengeratkan silaturahim dengan keluarga jenazah.
  - D melihat ketabahan keluarga yang kehilangan ahlinya.
- 15 Antara yang berikut manakah padanan yang **betul** antara dam dan jenis kesalahan?

|   | Dam                | Kesalahan                     |
|---|--------------------|-------------------------------|
| A | Tertib dan Takdir  | Tidak melakukan tawaf wadak   |
| B | Takhyir dan Takdil | Memotong kuku                 |
| C | Takhyir dan Takdir | Memotong pokok di tanah haram |
| D | Tertib dan Takdil  | Ihram Tamatuk                 |

- 16 Hukum memberi hutang dalam Islam pada asalnya ialah
- A makruh
  - B harus
  - C wajib
  - D sunat

## SULIT

- 17 Bandar yang menjadi pusat perkembangan ilmu pada zaman kerajaan Bani Umayyah ialah
- A Andalusia
  - B Kota Basrah
  - C Kota Makkah
  - D Kota Baghdad

- Mengamalkan ajaran Islam dalam kehidupan
- Sabar dan ikhlas dalam menyebarkan Islam
- Menyebarakan ilmu yang bermanfaat

- 18 Pernyataan di atas merujuk kepada jihad
- A menghapus kezaliman
  - B melawan syaitan
  - C memperbaiki diri
  - D melawan orang kafir
- 19 Berikut adalah padanan yang betul tentang faedah rekreasi

|   | Aspek     | Jangka Pendek       |
|---|-----------|---------------------|
| A | Psikologi | Otot lebih cergas   |
| B | Psikologi | Badan lebih ceria   |
| C | Fisiologi | Menguatkan antibodi |
| D | Sosiologi | Negara maju         |

- 20 Berikut adalah garis panduan cara-cara memuliakan Rasulullah SAW
- I mengasihi para sahabat Rasulullah
  - II beriltizam dengan sunnah Rasulullah
  - III menggantung gambar Kaabah di dinding
  - IV berusaha menjejaki kesan sejarah Rasulullah
- A I dan II
  - B I dan III
  - C II dan III
  - D II dan IV

## SULIT


### Soalan 21 hingga Soalan 40

Isi tempat kosong dengan jawapan yang sesuai.

- 21 \_\_\_\_\_ ialah kesalahan yang dikenakan hukuman tertentu di dunia dan amaran azab di akhirat.
- 22 Tidak percaya kepada Allah SWT serta mengingkari ajaran yang disampaikan oleh Nabi Muhammad SAW merupakan pengertian \_\_\_\_\_.
- 23 Antara ciri orang yang bertambah iman ialah mempunyai ilmu pengetahuan tentang \_\_\_\_\_ dan Rasul-Nya.
- 24 Menghindari fitnah untuk mendapat kesejahteraan hidup bermasyarakat di dunia dan di akhirat hukumnya \_\_\_\_\_.
- 25 Haji \_\_\_\_\_ ialah mengerjakan umrah terlebih dahulu pada bulan haji dan diikuti dengan mengerjakan haji pada bulan yang sama.
- 26 Membeli barang dengan bertujuan menyekat pembelian orang lain daripada membeli barang tersebut adalah dilarang tetapi \_\_\_\_\_.
- 27 Syiah \_\_\_\_\_ adalah kumpulan syiah yang paling radikal dan sesat.
- Menghafaz lebih daripada 700 000 hadis
  - Mempunyai pengetahuan tentang ilmu hadis
- 28 Pernyataan di atas menyebabkan Imam Ahmad bin Hanbal digelar \_\_\_\_\_.
- 29 Ajaran \_\_\_\_\_ beriktikad bahawa Mirza Ghulam Ahmad sebagai al-Mahdi, nabi dan jelmaan Krishna.
- 30 Talak bain kubra ialah talak tiga yang mengharamkan bekas suami \_\_\_\_\_ semula isterinya kecuali dengan syarat-syarat tertentu.
- Negara akan bertambah maju
  - Nama negara akan harum di mata dunia
  - Negara dapat diselamatkan daripada ancaman musuh
- 31 Berikut adalah faedah menjaga adab \_\_\_\_\_.
- 32 Kemampuan akal terbatas kerana tidak dapat mencakupi \_\_\_\_\_.

**SULIT**

- 33 Tidak sah zihar jika diserupakan dengan \_\_\_\_\_ atau khunsa.
- 34 Saham yang telah ditentukan dividen secara tetap adalah tergolong dalam \_\_\_\_\_ yang diharamkan.
- 35 Baginda akan menggunakan cincin yang berukir nama \_\_\_\_\_ untuk menandatangani surat yang dikirim kepada pembesar.
- 36 Antara faedah menjaga kemudahan awam kepada \_\_\_\_\_ ialah memupuk sikap bertoleransi.



37 Q dalam rajah di atas ialah \_\_\_\_\_.

**Soalan 38 hingga Soalan 40**

*Isi tempat kosong dengan memilih jawapan yang disediakan dalam jadual di bawah.*

|             |                     |                         |           |
|-------------|---------------------|-------------------------|-----------|
| Al-Muktasim | Umar bin al-Khattab | Muawiyah bin Abi Sufian | Al-Makmun |
|-------------|---------------------|-------------------------|-----------|

- 38 Khalifah \_\_\_\_\_ membina balai cerap dan memerintahkan supaya direka peralatan khusus berkaitan astronomi.
- 39 \_\_\_\_\_ menunjukkan penentangan setelah dipecat daripada jawatan gabenor hingga berlaku peperangan Siffin.
- 40 Menyusun semula undang-undang tanah negara untuk mengelakkan berlakunya perbuatan negatif untuk memiliki tanah merupakan polisi Khalifah \_\_\_\_\_.

**Bahagian B**

[60 markah]

Jawab **tiga** soalan: **Soalan 1, Soalan 2** dan mana-mana **satu** soalan berikutnya.

- 1 (a) Syirik merupakan suatu perbuatan yang boleh membatalkan iman.
- (i) Nyatakan **dua** bahagian syirik. [2 markah]
  - (ii) Jelaskan **dua** perbezaan antara kedua-dua syirik tersebut. [4 markah]
  - (iii) 

|   |
|---|
| Amalan pemujaan dan mempercayai batu yang boleh mengubah nasib seseorang hakikatnya masih wujud dalam kalangan masyarakat Islam pada zaman ini. |
|---|

Sekiranya anda menjadi seorang pegawai JAKIM, bagaimanakah anda mendidik masyarakat agar menjauhi perbuatan ini? [4 markah]
- (b) Islam melarang umatnya minum arak kerana ia membawa kepada kehancuran.
- (i) Apakah yang dimaksudkan dengan arak? [2 markah]
  - (ii) Jelaskan **dua** hikmah pengharaman arak kepada masyarakat. [4 markah]
- (c) Jelaskan mana-mana **dua** maksud bagi istilah berikut ;
- (i) Fasik
  - (ii) Kafir
  - (iii) Musyrik [4 markah]
- 2 (a) Sewa merupakan salah satu aktiviti perniagaan yang dianjurkan dalam Islam.
- (i) Nyatakan maksud sewa menurut syarak. [2 markah]
  - (ii) Senaraikan **dua** rukun sewa dalam perniagaan Islam. [2 markah]
  - (iii) Jelaskan **dua** perkara yang menyebabkan kontrak sewa tamat. [4 markah]
- (b) Ibu bapa wajib melaksanakan tanggungjawab mereka kepada anak-anak.
- (i) Nyatakan **dua** tanggungjawab ibu bapa kepada anak-anak. [2 markah]
  - (ii) Jelaskan kepentingan pelaksanaan tanggungjawab sebagai ibu bapa. [2 markah]
- (c) (i) Senaraikan **dua** sebab yang membolehkan tuntutan fasakh. [2 markah]
- (ii) Jelaskan **dua** kesan perpisahan secara fasakh. [4 markah]
  - (iii) Terangkan proses tuntutan fasakh dilakukan dalam Islam. [2 markah]



**SULIT**

- 3 (a) Ketenteraan pada zaman Kerajaan Abbasiyah dilengkapi dengan peralatan yang canggih.
- (i) Nyatakan **dua** peralatan tersebut selain pedang, lembing dan panah. [2 markah]
  - (ii) Jelaskan **dua** pembaharuan yang dilakukan oleh kerajaan Abbasiyah dalam bidang ketenteraan. [4 markah]

(b) Nama sebenar Imam Abu Hanifah ialah Nukman bin Tsabit.

- (i) Nyatakan **dua** sifat peribadi beliau. [2 markah]
- (ii) Jelaskan sumbangan Imam Abu Hanifah dalam bidang fiqah. [2 markah]

(c) (i) 

|   |
|---|
| Maksud hadis ;-<br>Senyum, kepada saudaramu adalah sedekah, menyeru kepada makruf dan mencegah mungkar adalah sedekah, menunjuk jalan orang yang tersesat adalah sedekah , membuang perkara yang menyakitkan di jalan adalah sedekah dan memenuhi bekas air saudara kamu adalah sedekah.<br><i>~Riwayat Imam Bukhari dan Muslim</i> |
|---|

Berdasarkan maksud hadis di atas senaraikan jenis-jenis sedekah . [4 markah]

(ii) Jelaskan maksud ikhlas ketika memberi sedekah atau hadiah. [2 markah]

(iii) 

|  |
|--|
| ..... □□□□□□□□ □□□□ □□□□□□□□ □□□□ □□□□□□ □□□□□□□□<br>Maksudnya : Kamu tidak sekali-kali akan dapat mencapai (hakikat) kebajikan dan kebaktian (yang sempurna) sebelum kamu dermakan sebahagian dari apa yang kamu sayangi...<br><i>(Surah Ali Imran : Ayat 92)</i> |
|--|

Berdasarkan ayat di atas,  
Bagaimanakah cara untuk menerapkan konsep keikhlasan dalam memberi sedekah atau hadiah. [4 markah]

## SULIT

- 4 (a) Uthman bin Affan merupakan khalifah ketika kerajaan Khulafa ar-Rasyidin.
- (i) Nyatakan cara pelantikan beliau. [2 markah]
  - (ii) Jelaskan **dua** sumbangan Khalifah Uthman bin Affan. [4 markah]
- (b) Syeikh Muhammad Abduh merupakan tokoh Islah yang penting dalam sejarah Islam.
- (i) Nyatakan **dua** sifat beliau yang boleh dicontohi oleh pelajar. [2 markah]
  - (ii) Apakah yang menyebabkan Syeikh Muhammad Abduh melakukan pengislahan dalam sistem pendidikan? [2 markah]
- (c) (i) Jelaskan **dua** garis panduan berpakaian yang menepati syarak. [4 markah]
- (ii) Senaraikan **dua** adab berhias diri. [2 markah]
  - (iii) 

|   |
|---|
| Fatimah telah mengambil suntikan vitamin C untuk menegangkan kulitnya bagi menarik perhatian orang ramai. |
|---|
- Sebagai seorang kawan, berikan pandangan anda terhadap tindakan Ziela di atas. [4 markah]

## KERTAS SOALAN TAMAT

KERTAS JAWAPAN UNTUK BAHAGIAN A

Nama Calon : \_\_\_\_\_ Tingkatan : \_\_\_\_\_

No. KP : \_\_\_\_\_ Angka Giliran : \_\_\_\_\_

- 1  A  B  C  D
- 2  A  B  C  D
- 3  A  B  C  D
- 4  A  B  C  D
- 5  A  B  C  D
- 6  A  B  C  D
- 7  A  B  C  D
- 8  A  B  C  D
- 9  A  B  C  D
- 10  A  B  C  D
- 11  A  B  C  D
- 12  A  B  C  D
- 13  A  B  C  D
- 14  A  B  C  D
- 15  A  B  C  D
- 16  A  B  C  D
- 17  A  B  C  D
- 18  A  B  C  D
- 19  A  B  C  D
- 20  A  B  C  D

- 21 \_\_\_\_\_
- 22 \_\_\_\_\_
- 23 \_\_\_\_\_
- 24 \_\_\_\_\_
- 25 \_\_\_\_\_
- 26 \_\_\_\_\_
- 27 \_\_\_\_\_
- 28 \_\_\_\_\_
- 29 \_\_\_\_\_
- 30 \_\_\_\_\_
- 31 \_\_\_\_\_
- 32 \_\_\_\_\_
- 33 \_\_\_\_\_
- 34 \_\_\_\_\_
- 35 \_\_\_\_\_
- 36 \_\_\_\_\_
- 37 \_\_\_\_\_
- 38 \_\_\_\_\_
- 39 \_\_\_\_\_
- 40 \_\_\_\_\_

| Soalan              |   | Markah |
|---------------------|---|--------|
| <b>Bahagian A</b>   |   |        |
| <b>Bahagian B</b>   | 1 |        |
|                     | 2 |        |
|                     | 3 |        |
|                     | 4 |        |
| <b>Jumlah Penuh</b> |   |        |